

B B111 BAH

MAHATHIR - GEJALA 1985

KUALA LUMPUR, 10 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MENGAJAK ANGGOTA-ANGGOTA UMNO MERENUNG GEJALA-GEJALA YANG KURANG SIHAT YANG BERLAKU DALAM PARTI SUPAYA DAPAT DIATASI DEMI MENAMBAHKAN KEMESRAAN DI KALANGAN ANGGOTA PARTI ITU.

KATANYA, KEMESRAAN YANG WUJUD DALAM PARTI SEKALI-SEKALA MENGALAMI KEPUDARAN DENGAN ADANYA AMALAN-AMALAN YANG KURANG SIHAT SEKUMPULAN KECIL ANGGOTA-ANGGOTA PARTI.

ANTARA AMALAN-AMALAN YANG KURANG SIHAT IALAH TABIAT MENYEBARKAN BERITA-BERITA PALSU, TOHMAHAN DAN SIKAP JATUH-MENJATUHKAN PEMIMPIN-PEMIMPIN PARTI UNTUK KEPENTINGAN PERIBADI DAN KEDUDUKAN MASING-MASING, KATA BELIAU DALAM PERUTUSANNYA DI BUKU CENDERAMATA SEMPENA MAJLIS MALAM MESRA ANJURAN UMNO BAHAGIAN BATU YANG DIADAKAN DI SINI MALAM INI.

BELIAU, YANG JUGA PRESIDEN UMNO, BERKATA KEMESRAAN DI KALANGAN ANGGOTA-ANGGOTA SELAMA INI TELAH MEMBENIHKAN KERJASAMA DAN FERSEFAHAMAN DALAM UMNO BAGI MEMPERJUANGKAN NASIB BANGSA, AGAMA DAN NEGARA.

KATANYA, KEMESRAAN ITU JUGA TELAH MENJALINKAN HUBUNGAN BAIK BUKAN SAHAJA DI KALANGAN ANGGOTA-ANGGOTA UMNO TETAPI JUGA DI ANTARA ANGGOTA-ANGGOTA PARTI DENGAN MASYARAKAT SELURUHNYA DI NEGARA INI.

- BERNAMA